

17/03/2000

Semangat berkorban mesti diperkukuh

DALAM suasana Aidiladha, ketika kira-kira dua juta umat Islam dari seluruh pelusuk dunia berkumpul di Makkah, rakyat Malaysia di negara ini menyambut Hari Raya Korban dengan saling maaf-bermaafan antara satu dengan lain. Secara umumnya, umat Islam di negara ini dilihat sebagai umat yang reda memaafi sesama insan. Jika apa yang digambarkan oleh rakyat boleh diterjemahkan dalam menghadapi realiti politik hari ini, Malaysia akan menjadi sebuah negara yang aman, makmur dan teguh. Jika amalan maaf bermaafan itu dapat dihayati hingga ke lubuk hati, umat Islam di negara ini pastinya bebas daripada sebarang sengketa zahir dan batin. Memang inilah sesungguhnya yang diharapkan berlaku di negara ini sekiranya masing-masing dapat menghayati erti pengorbanan sebenarnya.

Rintangan paling besar hari ini ialah kegawatan yang wujud kesan daripada campur aduk soal politik dengan agama. Ia menimbulkan kekeliruan yang tidak berkesudahan. Hakikatnya, ia tidak sedikit pun mendatangkan kebaikan tetapi mencetuskan bibit-bibit perpecahan sesama Islam. Hari Raya Korban kali ini diharap dapat membuka mata hati sesetengah umat Islam yang terpesong akibat terlalu taksud dengan ajaran agama yang diadun dengan kepentingan politik kepartian atau tokoh tertentu.

Sewajarnya orang pertama yang menyeru kepada pemupukan semangat persaudaraan ini datangnya daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dalam perutusan sempena Aidiladha semalam, beliau mengajak umat Islam supaya mengatasi perbezaan politik dan memupuk semula persaudaraan Islam sesama ummah, sesuai dengan musim haji ini. Di Malaysia, memang tidak boleh dinafikan bahawa perselisihan pendapat mengenai agama sememangnya wujud, berpunca daripada perbezaan politik. Keadaan ini membawa kepada perpecahan umat yang amat merugikan. Golongan yang menganggap diri mereka lebih Islam daripada orang Islam yang lain mencetuskan perbalahan hingga berlaku peristiwa mengkafirkan umat Islam yang lain, sembahyang dua imam, mempersoalkan akidah umat Islam lain, haram memakan sembelihan orang Islam yang lain dan sebagainya. Tuduhan liar sebegini semakin rancak menjelang sesuatu pilihan raya. Ia dibuat tanpa sedikit pun memikirkan bahawa semua umat Islam di negara ini tetap menyembah Allah Yang Esa. Orang yang dituduh kafir itu jugalah yang menunaikan ibadat puasa pada Ramadan dan ibadat haji di Makkah sebagaimana berlangsung sekarang. Mereka jugalah yang menjalankan upacara penyembelihan ternakan sempena hari yang mulia ini. Jadi, apakah logiknya umat Islam di negara ini dituduh dengan sikap keji seperti itu. Mengkeji sesama umat Islam, tidak ubah seperti mengkeji Islam itu sendiri.

Jika umat Islam menerima Hari Raya Haji sebagai wadah untuk meletakkan erti pengorbanan pada tahap yang paling tinggi, mereka seharusnya melupakan sengketa dan meminta ampun dan maaf di atas kesilapan yang mereka lakukan sesama umat Islam. Ampun dan maaf tidak seharusnya berlaku pada hari mulia seperti ini saja tetapi haruslah dibuktikan dengan perbuatan dan kata-kata di masa depan. Sikap seperti ini seharusnya tidak diulangi lagi kerana ia adalah senjata yang memakan diri sendiri. Ia adalah punca kelemahan ummah. Adalah lebih baik setiap umat Islam insaf atas kekerdilan mereka berbanding dengan kuasa Allah.

Umat Islam digalakkan supaya berkorban apa saja demi kepentingan Islam, bangsa dan negara. Untuk melengkapinya, mereka harus juga menanam semangat untuk menegakkan keharmornian hidup sesama Islam dan bukan Islam. Ini adalah realiti di negara yang didiami masyarakat pelbagai kaum. Walaupun

mereka bukan seagama, mereka turut memberi sumbangan besar kepada kemakmuran negara. Oleh itu, kewujudan mereka perlu dihormati. Pengorbanan menghormati hak sesama manusia adalah sesuatu yang menjadi tuntutan dalam Islam.

Di Malaysia, rakyat sudah banyak berkorban untuk memastikan negara terus maju. Anggota tentera dan polis, umpamanya menjalankan tugas tanpa mengira bahaya mengawal keselamatan demi kesejahteraan seluruh rakyat. Kakitangan kerajaan juga menjalankan tugas dengan baik tanpa mengira masa untuk memastikan pentadbiran negara berjalan lancar. Ketika kegawatan ekonomi, kakitangan awam dan swasta merelakan agar mereka tidak menerima sebarang kenaikan gaji demi memastikan negara dapat membetulkan semula asas ekonominya. Guru-guru pula mengorbankan masa, tenaga dan ilmu mereka untuk kepentingan dan masa depan anak-anak, walaupun terpaksa menghadapi kerenah kenakalan mereka. Suri rumah pula berkorban dengan merelakan suami mereka melaksanakan apa juga tugas yang redai, tanpa mengira waktu, begitu juga pengorbanan suami terhadap isteri. Sesungguhnya, asas kepada ciri-ciri pengorbanan ini memang sudah wujud di kalangan rakyat negara ini. Cuma, ia hendaklah diperteguhkan, mencangkupi semua bidang kehidupan.

(END)